

**SYED ABDULLAH HAMID AL-EDRUS: PERJALANAN SEBAGAI
PENULIS, PENERBIT DAN PENGASAS QALAM, 1950-1969**

***SYED ABDULLAH HAMID AL-EDRUS: A JOURNEY AS A WRITER,
PUBLISHER AND FOUNDER OF QALAM 1950-1969***

**Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif
Arba'iyah Mohd Noor
Universiti Malaya (UM)**

Abstrak

Syed Abdullah Hamid Al-Edrus (Edrus / Ahmad Luthfi) merupakan pengasas Qalam Press yang telah menerbitkan majalah Qalam sebanyak 228 bilangan dari tahun 1950 hingga 1969. Sepanjang pengasasan majalah ini sudah pasti beliau berhadapan dengan pelbagai rintangan dan pengalaman. Apakah peranan dan langkah Edrus dalam memastikan syarikat percetakannya berterusan menghasilkan bahan-bahan penerbitan. Oleh itu, kertas kerja ini cuba menyingkap galur perjalanan Edrus dari mula bertapak sebagai budak pengatur huruf, wartawan dan penulis sehinggalah berjaya memiliki empayar percetakan yang besar serta menghasilkan majalah Islamik yang berpengaruh iaitu Qalam. Hasil kajian mendapati Edrus telah berjaya membina empayar percetakan yang mampu bertahan selama 19 tahun walaupun berhadapan dengan masalah perniagaan dan pelbagai tindakan yang dikenakan oleh sesetengah pihak kerana tulisan beliau yang sangat kritikal. Dalam menghasilkan tulisannya, Edrus sangat tegas, berani dan lantang mengkritik pada sesuatu perkara yang difikirkan tidak betul dan bertentangan dengan Islam. Beliau bebas mengemukakan pandangan kerana Qalam adalah hasil buah pena beliau sendiri. Kertas kerja ini ditulis berdasarkan sumber temubual, majalah Qalam, memoir, buku-buku dan koleksi tesis yang diperoleh dari Arkib Negara, Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya

Keywords: Edrus, Qalam, Qalam Press, Penulis, Penerbit, Pengasas, Agama

Abstract

Syed Abdullah Hamid Al-Edrus (Edrus / Ahmad Luthfi) merupakan pengasas Qalam Press. *Syed Abdullah Hamid Al-Edrus (Edrus / Ahmad Luthfi) is the founder of Qalam Press who published 228 of Qalam magazines from 1950 to 1969. Throughout the years he has certainly encountered many obstacles and experiences. What is Edrus's role in ensuring that its printing company continues to produce publishing materials? This paper attempts to shed light on the journey of Edrus from his humble beginnings as a compositor, reporter and writer till the pinnacle of his achievement as the business owner of a printing house, which publishes Islamic magazines such as the Qalam. It's show that Edrus has successfully built a printing empire that has survived for 19 years despite business problems and various actions taken by some because of his critical writing. He is free to voice out his views as Qalam is the result of his own magazine. For that, Edrus is very strict, brave and brazen in criticizing any issue which he feels is inaccurate and contradicts with Islam. This paper is written based on interviews, Qalam magazines, books and thesis collections obtained from Arkib*

Negara, Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya.

Keywords: *Edrus, Qalam, Qalam Press, Writer, Publisher, Founder, Religion*

Pengenalan

Syed Abdullah bin Hamid Al-Edrus (selepas ini disebut Edrus) dilahirkan pada 11 Julai 1911 di Sampit, Kalimantan Tengah, Indonesia. Bapa beliau, Syed Hamid bin Ahmad Al-Edrus merupakan ahli dalam Sarekat Islam, Indonesia. Ibu beliau, Sharifah Noor binti Syed Alwee Al-Hinduan pula merupakan cucu kepada ketua golongan Arab di Banjarmasin, Kalimantan Selatan, Indonesia. Pada masa kini, selain Malaysia dan Singapura, keluarga Edrus ramai menetap di Pontianak, Sampit dan Banjarmasin.¹ Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah agama di Sampit, kemudian pada tahun 1930 mengambil keputusan untuk berhijrah ke Singapura ketika berusia 19 tahun untuk mencari pengalaman berdikari selain untuk mendalami ilmu agama di Kuliah Firdaus dan berguru dengan Haji Wan Abdullah dengan harapan kelak beliau akan muncul sebagai seorang ahli agama.² Beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 1933 ketika berumur 22 tahun dan mempunyai 25 orang anak hasil dari perkongsian hidup bersama tiga isteri. Isteri pertama daripada keluarga Al-Sagof dikurniakan enam orang anak, isteri kedua yang hanya dikenali sebagai Amnah dikurniakan 13 orang anak dan isteri ketiga bernama Rokiah bte Abdul Samad dikurniakan enam orang anak.³

Gambar 1: Syed Abdullah Hamid Al-Edrus Bersama Anak-anak



Sumber: Koleksi peribadi Pn. Sharifah Umamah bte Syed Abdullah

Edrus telah mengasaskan majalah *Qalam* menerusi syarikat percetakan beliau sendiri iaitu Qalam Press yang beroperasi di Geylang Road, Singapura pada tahun 1950. Majalah ini telah menemui khalayak pembaca selama 19 tahun sehingga 1969. Pengedaran majalah ini meliputi bukan sahaja di Tanah Melayu, malah sampai ke Selatan Thailand, Borneo serta Indonesia melalui wakil-wakil penjual⁴ yang berselerak di serata tempat mahupun dihantar melalui pos.⁵ Dalam tempoh 19 tahun itu, majalah *Qalam* telah terbit sebanyak 228 bilangan dan pernah mencatat hasil jualan tertinggi dengan 20 000 naskah terjual pada bulan Julai 1951.⁶ Abdullah Hussain dalam memoirnya pernah mengatakan “majalah *Qalam* sebagai majalah agama yang cukup popular, tidak ada tandingannya pada masa itu, majalah *Qalam* mempunyai pembaca yang cukup banyak.”⁷ Sementara seorang tokoh politik tanah air, Tan Sri Alam Kadir mengatakan, pendapat-pendapat yang disiarkan di dalam *Qalam* sangat tajam, baik mengenai kolonialisme Inggeris mahupun kepolitikan Melayu.⁸ Bagi memupuk kesetiaan pembaca, majalah *Qalam* telah menubuhkan sebuah persatuan / kelab pembaca yang dipanggil ‘Ikhwan’. Persatuan ini mula menyiarkan iklan keahlian dalam keluaran *Qalam* yang ke-70 pada bulan Mei, 1956. Sehingga bulan Jun 1957, jumlah keahlian telah mencapai 1800 orang yang kebanyakannya terdiri dalam kalangan penuntut, guru, alim ulama, buruh, petani dan polis dari serata tempat seluruh Semenanjung Tanah Melayu sehingga Borneo Utara.⁹ Kajian ini diharap dapat merungkai dan menonjolkan pengalaman-pengalaman Edrus dari mula sebagai pengatur huruf, wartawan, penulis sehingga menjadi penerbit yang berjaya.

Edrus Sebagai Penulis

Dalam bidang kewartawanan dan penulisan, Edrus bermula di bahagian teknikal sebagai sebagai pelatih pengatur huruf di Anglo-Asiatic Press, Singapura (kemudian dikenali sebagai Warta Malaya Press) pada tahun 1934 dengan gaji empat ringgit sebulan. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai pengatur huruf. Melihat kepada usaha-usaha giat dan kecekapan Edrus menjalankan tugasnya, beberapa tahun kemudian beliau telah dilantik oleh pengurus percetakan akhbar *Warta Malaya* sebagai pembaca pruf kemudian menjadi kerani dan akhirnya beliau dilantik sebagai pembantu pengarang.¹⁰ Pengalaman beliau bekerja di *Warta Malaya* bersama-sama tokoh wartawan yang prolifik seperti Dato’ Onn Jaafar, Yusof Ishak, Abdul Rahim Kajai, Ishak Hj. Mohammad, Syed Alwi al-Hadi dan Othman Kalam memberikan beliau ilmu kawartawanan yang sangat berguna. Beliau telah menyumbangkan beberapa artikel politik untuk dimuatkan dalam akhbar *Warta Malaya* selain turut menyumbang beberapa artikel dalam akhbar-akhbar di Indonesia seperti *Pewartu Deli*, *Suara Umum* dan *Ivoorno*. Pada bulan Januari hingga April 1946, Edrus pernah bertugas dengan majalah *Kesatuan Islam* dan kemudian pada tahun Julai 1947 Edrus menyertai warga kerja *Utusan Melayu* sebagai wartawan dan diberi kepercayaan untuk mengendalikan majalah *Mastika*.¹¹

Namun, setelah setahun berkhidmat dalam *Utusan Melayu*, Edrus memutuskan untuk meninggalkan *Utusan Melayu* apabila ketua pengarang akhbar itu menukar format majalah *Mastika* menjadi majalah cerita pendek. Semasa di bawah kendalian Edrus, *Mastika* kurang mendapat sambutan dan merosot jualannya kerana isi kandungannya terlalu berat, makalah-makalah yang dikemukakan mempunyai pengaruh laras bahasa majalah sebelum perang yang agak panjang khutbahnya. Tulisan Edrus di dalam *Mastika* disifatkan sebagai gaya lama, agak terlalu didaktik (bersifat mengajar) dan meleret-leret. Gaya seperti ini kurang digemari oleh pembaca yang

sudah mula tertarik dengan cara penulisan baru dan bacaan yang lebih ringan.¹² Perkara ini tidak dapat diterima oleh Edrus, kerana semasa berkhidmat dalam *Utusan Melayu*, beliau mengendalikan majalah *Mastika* dengan mengarang hal-hal agama yang sememangnya memerlukan huraian panjang untuk menerangkan sesuatu hukum berlandaskan Al-Quran dan Hadis.¹³

Keputusan untuk berhenti juga dilakukan kerana kurang serasi dengan pergaulan wartawan-wartawan muda disamping akibat pergeseran Edrus dengan pemimpin *Utusan Melayu* seperti Yusof Ishak, A. Samad Ismail dan Asraf bin Hj. Wahab. Seperti yang diketahui, *Utusan Melayu* dilahirkan atas prinsip Melayu jati yang dilaung-laungkan oleh Yusof Ishak bersama beberapa wartawan Melayu yang lain bagi menentang akhbar *Warta Malaya* yang diterajui oleh golongan DKA (Darah Keturunan Arab) sehingga orang Melayu merasa menjadi bangsa kelas kedua. Edrus sendiri yang berketurunan Arab mula dipersoal kedudukannya dalam *Utusan Melayu*.¹⁴ Hubungan yang memang sudah sedia tegang itu juga menjadi punca mengapa Edrus enggan menyertai Persatuan Wartawan Melayu yang diketuai oleh A. Samad Ismail pada tahun 1955. Keengganan Edrus juga ada hubungannya dengan kisah lama yang terjadi sekitar tahun 1950 antara Qalam Press dengan Utusan Melayu Press yang ketika itu A. Samad Ismail sebagai Timbalan Pengarang. Edrus yang terkenal dengan sikapnya yang keras dalam soal-soal agama telah mengecam Utusan Melayu Press sebagai anti-agama kerana menyiarkan tulisan-tulisan Asraf dalam majalah *Mastika* bilangan 40 dan 41 tahun 1950 yang bertentangan dengan Islam.¹⁵ Edrus menyelar tulisan Asraf itu di dalam majalah *Qalam* bilangan 2 (September 1950) dengan tajuk “Bidasan Terhadap Fahaman Tidak Bertuhan”.¹⁶ Sajak tersebut menurut Edrus seharusnya tidak disiarkan kerana mempunyai maksud yang menafikan kewujudan dan menidakkan keesaan Allah SWT sebagai tuhan yang wajib disembah. Edrus sangat bimbang tulisan-tulisan sebegini akan membawa bencana kerana meracun fikiran mereka yang tidak kuat imannya dan kurang pengetahuan tentang kewujudan tuhan yang berkuasa ke atas sekalian alam. Apatah lagi sebahagian besar pembaca majalah *Mastika* terdiri dari orang Melayu yang beragama Islam sudah tentu ia akan menimbulkan salah faham dan menyinggung perasaan mereka yang beriman kepada Allah. Menurut Edrus:

“Jika kamu tidak mengetahui dan tidak mempunyai dasar yang kuat tentang Islam kamu maka hendaklah kamu menjauhkan diri daripada mencuba-cuba daripada mempelajari fahaman-fahaman yang boleh menyesatkan.”¹⁷

Ketegasan dan keseriusan Edrus dalam soal akidah umat Islam sangat ketara apabila berterusan mengkritik serta mengulas dalam majalah *Qalam* mengenai penulisan fahaman-fahaman yang menafikan adanya tuhan dalam tiga bulan berturut-turut. Abdullah Hussain turut mengakui dan menggambarkan mengenai Asraf dalam memoirnya sebagai seorang yang tidak percayakan agama dan tuhan serta sering berdebat tentang ada atau tidak adanya Allah. Edrus pernah menulis cerpen yang menggunakan kisah Asraf ini sebagai tema di dalam *Warta Masyarakat*. Penulisan cerpen ini telah menimbulkan kemarahan Abdullah Hussain yang mengatakan Edrus sepatutnya mengajaknya kembali ke jalan benar bukan menyindirnya melalui tulisan.¹⁸

Satu ciri yang istimewa yang ada pada Edrus ialah beliau seorang yang berani dan lantang dalam kritikan beliau terhadap dasar serta pemerintahan negara terutama menerusi ruangan ‘Kopi Pahit’ dalam majalah *Qalam*. Kerana kepedasan kritikan beliau itu, sesetengah golongan yang tidak boleh menerimanya menggelar Edrus sebagai ‘Ahli Kritik Berkepala Batu’.¹⁹ Sikap beliau ini pernah ditegur oleh Tan Sri Syed Nasir Ismail supaya beliau tidak terlalu kritikal dalam laporannya kerana

bimbang berhadapan dengan tindakan pihak berkuasa.²⁰ Edrus juga telah mendapat teguran daripada Tan Sri Syed Jaafar Albar supaya berhenti mengkritik.²¹ Namun Edrus sangat kuat berpegang kepada prinsipnya, malah beliau akan berhujah dalam perkara yang difikirkannya betul terutama tentang politik dan agama. Pandangannya terhadap Islam agak ketat dan tidak boleh bertolak ansur dalam apa jua hal-hal yang bersangkutan agama. Pada dasarnya, Edrus ingin memimpin fikiran umum ke arah agama mengatasi politik orang Melayu dan melihat penerapan dasar-dasar Islam perlu dalam politik itu.²² Untuk itu, beliau akan berterus-terusan mengkritik individu atau dasar politik yang mana difikirkannya bertentangan dengan Islam. Seperti yang tertulis dalam rencana pengarang beliau dalam majalah *Qalam*:

“Semenjak daripada *Qalam* ditubuhkan dengan asasnya mengambil sempena daripada kalimah Allah yang maha tinggi maka kita tidak pernah undur daripada mendirikan kebenaran dan hak di dalam agama. Kita dengar terang dan jitu mengatakan barang yang hak walaupun berhadapan dengan siapa jua ada dengan tujuan memelihara ummat sekaliannya kepada jalan yang benar iaitu jalan yang manusia tidak akan tersesat daripadanya.”²³

Kritikan pedas beliau pernah menyebabkan majalah *Qalam* diharamkan oleh kerajaan Indonesia kerana sering mengkritik pemerintahan Soekarno. Di Tanah Melayu pula, majalah *Qalam* dan akhbar *Warta Masyarakat* dibakar oleh Tunku Abdul Rahman di Johor Bahru pada 28 Oktober 1953²⁴ kerana begitu keras mengkritik UMNO dan pemerintahan Tunku yang dikatakan agak bertentangan dengan Islam. Salah satunya mengenai pembinaan Tugu Negara yang berlawanan dengan konsep Islam.²⁵ Dalam peristiwa itu, majalah *Qalam* dan akhbar *Warta Masyarakat* telah diarak seperti mengarak mayat sebelum dibakar. Penyokong-penyokong UMNO telah membawa sepanduk yang tertulis “Qalam, Warta, Pengkhianat Bangsa”, “Mesti Dihapuskan Serta-merta”, “Jaga-jaga Abu Jahal Zaman Sekarang”, “Warta Penghalang Kemajuan Bangsa” dan “Qalam Bertopeng Kepada Agama”. Tunku Abdul Rahman pernah membuat kenyataan sinis selepas peristiwa tersebut dengan menyebut, “hari ini kita bakar majalah dia, lain kali kita bakar orangnya sekali”.²⁶ Akhbar *Warta Masyarakat* termasuk kedai-kedai yang menjual akhbar tersebut juga berhadapan dengan tidakan boikot yang dianjurkan oleh jawatankuasa Pemuda UMNO yang diketuai oleh Tan Sri Datuk A. Samad Idris kerana dikatakan akhbar itu menjadi penyokong penjajah dan anti UMNO sehingga terjadi kes saman menyaman di mahkamah.²⁷ Peristiwa tersebut walau bagaimanapun tidak mematahkan semangat Edrus untuk terus menulis:

“Alhamdulillah dengan taufik Allah kita dapat terus menjalankan bahtera kita, mengkritik dan memberi ingat kepada umat akan bahaya-bahaya yang harus ditempuh yang bakal merugikan umat Melayu dan Islam... tatkala kita menunaikan tanggungjawab kita maka tidaklah kita membiarkan buah pena kita dibeli oleh sesuatu golongan kerana maslahat bersendirian”²⁸

Edrus terus dapat menerbitkan *Qalam* dan menggantikan *Warta Masyarakat* yang merosot penjualannya dengan akhbar yang baru iaitu *Warta*. Namun, *Warta* hanya dapat bertahan selama 8 bulan sahaja. Ketegasan sikap beliau juga ditunjukkan

apabila beliau bersama wakil *Qalam* bertindak keluar meninggalkan mesyuarat Persidangan Persuratan Melayu kerana berasa terhina seolah-olah tidak dihargai dalam mesyuarat berkenaan walhal beliau sendiri bersama kakitangan Qalam press berhempas pulas meningkatkan persuratan Melayu melalui penerbitan-penerbitan yang pelbagai. Tindakan Edrus Bersama wakil Qalam itu disifatkan oleh Tongkat Warrant (Usman Awang) dan Bakhtiar Jamili sebagai seorang yang tebal sensitivitinya.²⁹ Selain itu, Edrus turut berani mengetengahkan isu Natrah (Maria Huberdina Hertogh) walaupun ada syarikat penerbitan lain seperti Melayu Raya Press Ltd. yang diarahkan ditutup pada ketika itu kerana peranannya yang aktif dalam melaporkan peristiwa mengenai Natrah tidak disukai oleh kerajaan Singapura.³⁰ Beberapa orang yang keras memperjuangkan isu Natrah telah ditangkap, antaranya Dr. Burhanuddin Al-Hilmy, Taha Kalu dan ketua pengarang *Suloh Kemajuan* M. Karim Ghani.³¹ Dalam bidasannya mengenai keputusan Hakim Brown yang membatalkan perkahwinan Natrah dengan Mansor Adabi kerana Natrah di bawah umur, Edrus berpendirian tegas bahawa Islam telah menetapkan bahawa seorang anak perempuan yang telah baligh itu sah berkahwin atau dikahwinkan oleh walinya kepada sesiapa pun yang difikirkannya layak dan disukainya. Islam tidak pernah membataskan had umur kepada seseorang perempuan untuk berkahwin asalkan telah mencapai umur baligh. Dalam pada itu, semasa John Laycock (seorang peguam dan ahli mesyuarat Majlis Perundangan Singapura) mengusulkan Rang Undang-undang Umur Perkahwinan Laycock (*Laycock Marriage Age Bill*) pada 1 September 1950,³² Edrus selaku Ketua Pengarang majalah *Qalam* menentang sekeras-kerasnya langkah Laycock itu melalui rencananya yang tersiar di dalam majalah *Qalam*. Menurut beliau, perbuatan tersebut adalah perbuatan orang yang tidak berfikir panjang dan sanggup menoda kepada undang-undang agama. Tambah beliau lagi, ia sudah tentu akan menganiaya orang Islam yang berpegang kepada hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT.³³

Edrus Sebagai Penerbit

Semasa berkhidmat dalam *Utusan Melayu* Edrus telah mengumpulkan modal sedikit demi sedikit. Demi mencapai cita-citanya untuk membuka syarikat percetakan, beliau sangat disiplin dalam soal kewangan. Contohnya beliau tidak akan berbelanja pada perkara yang membazir atau difikirkannya tidak berfaedah. Kerana terlalu berkira dalam soal kewangan ini, beliau pernah digelar sebagai 'pemuda kikir' (kedekut) oleh rakan-rakannya.³⁴ Untuk mencukupkan modalnya, ada juga wang yang dipinjam daripada tiga rakannya sebanyak \$550.00. Berbekalkan modal tersebut Edrus telah membeli huruf-huruf timah dan kertas. Beliau menyusunnya sendiri di rumahnya di Jawa Road sebelum dihantar ke kedai Cina untuk dicetak dan diperbanyakkan.³⁵ Novel-novel yang telah siap dicetak akan dibawa pulang ke rumah semula untuk disusun (dijilid) sendiri oleh beliau pada waktu malam. Setelah siap kesemuanya, Edrus sendiri yang membungkus dan mengedarkan hasil tulisannya untuk dijual. Kerja tersebut dilakukan dengan penuh minat dan dedikasi. Cikgu Mahmud Ahmad seorang budayawan Melayu pernah mengatakan Edrus sebagai seorang yang sangat kuat bekerja dan berusaha tanpa mengenal lelah dan jemu.³⁶ Maka tidak hairanlah, beliau berjaya menubuhkan syarikat percetakannya sendiri iaitu Qalam Press pada bulan Februari 1948. Qalam Press mula menjalankan aktiviti percetakan secara persendirian pada bulan September 1950.³⁷ Sejak mula ditubuhkan, Qalam Press telah menerbitkan banyak bahan bacaan, umpamanya tahun 1949 sahaja, Edrus telah menerbitkan sebanyak 13 buah novel.³⁸

Menjelang tahun 1951, Edrus semakin kurang menulis novel disebabkan munculnya pengarang-pengarang muda dalam ASAS 50 yang kian membanjiri kesusasteraan baru di Singapura dan Tanah Melayu disamping penumpuan yang lebih utama terhadap majalah *Qalam* yang baru sahaja diterbitkan pada tahun 1950. Sehingga 1969 Majalah *Qalam* yang berukuran 7.2 inci lebar dan 9.8 inci panjang telah diterbitkan sebanyak 228 bilangan. *Qalam* merupakan majalah bulanan yang diterbitkan tiap-tiap awal bulan dan dijual dengan harga 50 sen senaskah. Majalah ini biasanya mempunyai 45 hingga 50 muka surat, jika keluaran khas bilangan muka surat bertambah sehingga 55 hingga 65. Majalah *Qalam* pernah mencapai jumlah cetakan tertinggi iaitu sebanyak 20 000 naskah dalam keluarannya yang ke-12 pada bulan Julai 1951.³⁹ Selain novel-novel dan majalah *Qalam*, Qalam Press telah menerbitkan beberapa majalah dan akhbar lain seperti *Warta Masyarakat* (1953), *Kanak-kanak* (1953), *Warta* (1954), *Aneka Warna* (1954), *Filem* (1954) dan *Budi* (1956).⁴⁰ Semasa menulis artikel di dalam *Qalam*, beliau menggunakan nama pena yang pelbagai. Antaranya Edrus, Ahmad Luthfi, Ahmad Zulfi, Anak Melayu, Abham, Rashid Redha, Abu Al-Mokhtar⁴¹, Penyambil dan Cemeti Al-Farouk. Jika beliau menghasilkan karya bercorak agama dan politik biasanya nama Edrus sering digunakan dan jika mengarang novel, nama Ahmad Luthfi sering digunakan. Perkara ini berkemungkinan sebagai satu strategi untuk menjimatkan kos penerbitan kerana tidak perlu membayar kepada penulis. Di samping itu beliau sendiri sememangnya berkebolehan menulis pelbagai ganre penulisan dan penggunaan nama pena yang pelbagai boleh mengelakkan pembaca bosan membaca rencana dari penulis yang sama. Walau bagaimanapun ia menimbulkan satu keburukan lain, apabila penulis meninggal dunia, tiada penulis pelapis lain yang dapat menggantikan tempat beliau.

Qalam Press ditubuhkan bersama-sama dengan sahabat karibnya Ustaz Abdul Rashid bin Umar Junid Rashid yang bertindak sebagai pengurus dan berkhidmat dengan Edrus selama lebih kurang 18 tahun sehingga percetakan *Qalam* dipindahkan ke Kuala Lumpur pada tahun 1967.⁴² Kemudian Edrus turut melantik Syed Hussain Ali Al-Sagoff sebagai pengurus bersama pada tahun 1953.⁴³ Sidang pengarang diterajui oleh Edrus sendiri bersama dengan Abdullah Basmeh. Seramai 22 orang pekerja mengendalikan bahagian teknikal. Daripada jumlah itu enam orang sebagai pengatur huruf (diketuai oleh Hj. Daim), enam orang mengendalikan mesin cetak (diketuai oleh En. Syarifudin bin Alias), enam orang sebagai penjilid dan empat orang penghantar. Manakala, terdapat seramai 10 hingga 15 orang pekerja di bahagian mengetuk dan melipat. Kesemua pekerja bahagian mengetuk dan melipat ini terdiri dari bangsa Cina yang diketuai oleh Ah Weng.

Bermula dengan sebuah mesin cetak kecil buatan Hong Kong yang murah dan sebuah mesin pemotong kertas, Qalam Press telah melangkah setapak demi setapak dengan memiliki mesin-mesin cetak yang lebih moden. Sehingga 1957, Qalam Press telah memiliki sembilan buah mesin cetak antaranya mesin jenama 'Saonna 124' dan mesin 'Letterpress' buatan Jerman. Mesin-mesin ini dapat mencetak gambar berwarna dan mampu mencetak empat atau lima ratus naskah sejam. Selain itu terdapat sebuah mesin pembuat huruf (*type caster*), mesin 'Intertype', mesin-mesin untuk melipat, mesin pengokot (*stepler*) yang dikendalikan oleh pekerja wanita bernama Rosnah, mesin pemotong kertas dan mengetuk serta mesin jahit (menjilid).⁴⁴ Jika dilihat, skala perniagaan Edrus pada ketika itu dapat dikatakan cukup besar bagi syarikat percetakan yang dikendalikan oleh orang perseorangan. Urusan pentadbiran Qalam Press dilakukan sendiri oleh Edrus, ini termasuklah kerja-kerja mengarang, mengatur huruf, menjilid dan menyunting, hinggalah menyelia kerja percetakan dan pengedaran. Manakala urusan yang melibatkan hal ehwal perniagaan dikendalikan oleh pengurus

yang dilantik. Keris Mas menyifatkan Edrus sebagai '*veteran all round*' kerana semua kerja boleh dilakukan oleh beliau.⁴⁵ Ketekunan dan kesungguhan Edrus melakukan tugasannya tersiar dalam majalah *Qalam*:

“Tuan punya percetakan ini bekerja daripada pukul 7 setengah pagi membawa kepada pukul 10 sampai 11 malam tidak berhenti kecuali makan dan sembahyang sahaja. Tuan punya sendiri terus bekerja bukannya hanya dari tujuh setengah pagi tetapi terkadang-kadang lepas sahaja sembahyang Subuh telah menyelenggarakan kerja-kerja karang mengarang sampai pukul 10 atau 11 siang dan pentadbirkan hal-hal pejabatnya terus kepada malam sehingga pukul 10 atau 11 malam dengan tidak ada mempunyai cuti rehat, cuti kelepasan hari Sabtu atau hari minggu, tetapi bekerja terus”.⁴⁶

Dalam menghasilkan sesuatu rencana, Edrus akan menulis dengan tulisan jawi 'short hand'. Tulisan Edrus agak sukar dibaca kerana terlalu ringkas. Pekerja beliau yang dikenali sebagai Raja Syafik sahaja yang faham dan akan 'menapis' tulisan Edrus lalu menyerahkannya kepada pengatur huruf atau 'kompositor'.⁴⁷ Seorang pengatur huruf akan duduk menghadap kotak kayu panjang, berpetak-petak. Tiap petak kecil itu berisi huruf-huruf timah. Huruf-huruf timah akan disusun satu persatu dengan dakwat hitam untuk dibentuk menjadi perkataan dan ayat, proses ini dinamakan 'kompos'. Huruf timah yang telah disusun dan diatur rapi itu kemudiannya akan diikat dengan benang supaya tidak bercerai. Kemudian sehelai kertas akan diletakkan diatas huruf-huruf tadi dan 'digelek' menggunakan mesen 'Letterpress' untuk mendapatkan hasil cetakan. Hasil cetakan tadi akan dibaca oleh Raja Abdul Aziz, seorang pembaca pruf untuk menyemak ejaan. Jika terdapat kesalahan, pengatur huruf akan membetulkan ejaan dan menyusun semula huruf-huruf timah. Setelah pembetulan dilakukan, rencana itu akan disahkan oleh ketua pengarang dan huruf-huruf yang dibetulkan tadi akan diikat sekali lagi supaya tidak bercerai, kemudian dicetak untuk diperbanyakkan menggunakan mesin cetak 'Saonna 124'.⁴⁸ Kerja mengatur huruf memakan waktu yang panjang. Oleh itu ketangkasan kerja amat diperlukan. Oleh kerana pekerjaan itu menggunakan jari, dan huruf-huruf itu diselaputi minyak hitam, jari pengatur huruf tidak pernah bersih. Bahkan baju mereka juga kotor. Selepas bekerja, jari harus dibersihkan dengan sempurna. Namun, walaupun sudah dibersihkan, masih terdapat lagi sisa timah dan minyak hitam di celah kuku dan ini membahayakan kesihatan. Akibatnya, agak ramai juga bilangan pengatur huruf yang dikesan menghidap sakit batuk kering. Kaedah sebegini digunakan dalam kebanyakan syarikat penerbitan di Tanah Melayu sehingga tahun 1950-an.⁴⁹ Hanya jentera mesin cetak 'Linotype' sahaja yang dapat menggantikan tugas pengatur huruf ini. Syarikat-syarikat yang bermodal besar (kebanyakan daripada ahli-ahli yang bekerja dalam bahagian pentadbiran di dalam perusahaan bersyarikat adalah terdiri daripada ahli-ahli pemegang syer yang banyak) seperti Malaya Publishing House Ltd. sahaja pada ketika itu mampu memiliki jentera 'Linotype' yang harganya mencecah \$42 800.00.⁵⁰ Apabila kebanyakan syarikat percetakan berpindah ke Kuala Lumpur selepas merdeka barulah mesin 'Linotype' meluas digunakan.

Majalah yang siap dicetak akan dihantar dan diedarkan dalam Singapura. Edrus akan menghantar sendiri majalah-majalahnya ke kedai-kedai buku terpilih menggunakan kereta atau van kepunyaan sendiri. Ada juga yang menggunakan lori yang disewa. Bagi penghantaran ke Persekutuan Tanah Melayu perkhidmatan keretapi

digunakan, terdapat ejen-ejen yang akan menunggu di setiap stesen. Edrus tidak pernah menjual secara tunai tetapi secara 'dalal' iaitu mewakili kepada orang tengah (wakil penjual) dengan memberikan komisyen sebanyak 25 hingga 30 peratus daripada harga buku atau majalah sementara penerbit memperoleh untung sebanyak 20 hingga 25 peratus daripada jumlah harga penjualan sebuah majalah.⁵¹ Buku atau majalah yang tidak laku diserahkan semula kepada penerbit. Ada diantara wakil penjual dan kedai-kedai buku ini pula mempunyai wakil-wakil penjual kecil dan membayar 5 hingga 10 peratus daripada harga majalah sebagai upah penjualan.⁵² Bagi tujuan mengelakkan wakil penjual mengenakan bayaran yang lebih kepada pelanggan, syarikat penerbitan meletakkan harga jualan pada kulit hadapan majalah. Antara wakil penjual majalah *Qalam* ialah kedai buku Mohd Salleh Bakry di Malacca Street, Kuala Lumpur, kedai buku Ain Isa Sulaiman dan N.S. Sulaiman di Jalan Maharani, Muar, kedai buku Mibs di Jalan Arab, Singapura, kedai buku E.M. Kassim Maideen, di Jalan North Bridge, Singapura, kedai buku Yahya Bashir, di Pekan Rabu, Alor Setar, kedai buku S.K. Abdul Rahman di Jalan Al-S agoff, Pontian, kedai buku M. Mohktar Bakrie di Jalan Hale, Ipoh dan N. Uruthan Store, di Sungai Petani. Penghantaran majalah turut menggunakan perkhidmatan pos. Syarikat Qalam Press mengenakan bayaran pos sebanyak 10 sen bagi setiap penghantaran majalah *Qalam* kepada pembaca. Bagi pembaca yang melanggan secara bulanan, harga yang dikenakan ialah \$3.60 untuk enam kali keluaran dan \$7.20 untuk langganan setahun. Penghantaran menggunakan pos lebih murah dan cekap kerana majalah dapat sampai terus kepada pelanggan atau wakil-wakil penjual yang tinggal berselerak di serata persekutuan, Indonesia, Selatan Thailand dan Borneo.⁵³

Rajah 2: Kulit Hadapan Majalah *Qalam*



Sumber: *Qalam*, bil. 1, Julai 1950

Kemajuan syarikat percetakan beliau membolehkan Edrus memiliki sebuah rumah dengan harga \$40,000.00 dan memiliki kereta sendiri. Harta percetakannya pula dianggarkan berjumlah \$300,000.00.⁵⁴ Malah Edrus berani mengambil penulis-penulis hebat seperti Abdullah Basmeh, Abdullah Hussain dan Jimmy Asmara untuk bekerja dan membayar mereka dengan gaji yang tinggi. Bukan setakat itu sahaja, penulis-penulis ini diberikan meja dan bilik pejabat sendiri. Edrus percaya dengan kredibiliti penulis-penulis ini mampu menaikkan hasil jualan sesebuah majalah dan mendapat penghargaan daripada masyarakat. Abdullah Hussain telah dibayar gaji sebanyak \$150.00 sebulan untuk memimpin majalah *Filem*. Satu jumlah yang besar pada ketika itu sedangkan penulis seangkatan dengan Abdullah Hussain dibayar hanya 80 ringgit oleh syarikat penerbitan lain.⁵⁵ Selain itu penulis cerpen bernama Anuar (nama pena Ishak Haji Muhammad) juga telah dibayar ‘honorarium’ yang tinggi oleh Edrus sebanyak \$60.00 untuk sebuah cerpen yang dihasilkan dalam majalah *Anekawarna*.⁵⁶ Sedangkan menurut Abdul Aziz Hussain sebuah artikel yang dimuatkan dalam sesuatu majalah ketika itu lazimnya dibayar sebanyak \$10.00 hingga \$15.00 sahaja.⁵⁷ Manakala menurut A. Samad Ismail diawal tahun 50-an dan sebelumnya, jarang sekali penulis yang menyumbangkan artikel dalam sesuatu majalah menerima bayaran. Kebanyakannya menulis atas dasar minat dan rasa tanggungjawab kepada masyarakat. Akhbar dan majalah ketika itu kebanyakannya tidak membayar sesen pun kepada penulis-penulis yang karyanya disiarkan kerana tidak berkemampuan. Rata-rata akhbar Melayu lemah ekonominya pada ketika itu.⁵⁸ Hal ini jelas menunjukkan telah ada kemajuan perniagaan yang dicapai oleh Edrus selaku penerbit dan tuan punya percetakan Qalam Press.

Edrus pernah menghadapi masa-masa sukar sebagai penerbit kerana mengharap langkahnya yang lebih besar dan atas cadangan Syed Hussein Ali Al-Sagoff (pemilik akhbar *Warta Malaya*) Qalam Press telah dijadikan sebagai Qalam Press Limited pada bulan Ogos 1953.⁵⁹ Sebuah syarikat dari milik perseorangan kepada syarikat ‘limited’ yang di dalamnya terdiri daripada pemegang-pemegang saham dimana Edrus sendiri bertindak sebagai ketua pengarang merangkap pengarah urusan dan Syed Hussein Ali Al-Sagoff dilantik sebagai pengelola (pengurus).⁶⁰ Tetapi malangnya syarikat Qalam Press Limited tidak berjaya menjana keuntungan. Tambahan pula sepanjang dari bulan Januari hingga Disember 1954, amat kurang syarikat-syarikat perniagaan yang mengiklankan produk mereka dalam majalah *Qalam* sebaliknya pihak Qalam hanya memenuhi ruangan iklan dengan menyiarkan hasil-hasil terbitan Qalam Press sendiri. Ini menyebabkan sumber kewangan Qalam Press Ltd. terhad disamping telah menanggung kerugian sebanyak \$50,000.00 akibat pembakaran majalah *Qalam* dan *Warta Masyarakat* oleh UMNO. Perjalanan percetakan terganggu hingga kertas tiada dalam simpanannya lagi. Hutang pula mencecah \$68,000.00.⁶¹ Sebagai sebuah syarikat ‘limited’ segala keputusan Edrus tidak boleh dilakukan sendiri sebaliknya perlu mendapat persetujuan dari lembaga pengarah. Hal ini sangat bertentangan dengan sikap Edrus yang gemar berdikari dan tidak mahu dikongkong oleh orang lain lebih-lebih lagi daripada syarikat birokrat. Niatnya hanya ingin menjadi seorang usahawan tanpa perlu makan gaji dan memberi pekerjaan kepada orang lain. Berada di dalam syarikat ‘limited’ telah membataskan perkembangan Qalam Press apabila kurang mendapat kerja-kerja luar dan menerima upahan. Untuk menjana modal pusingan, Edrus terpaksa bergantung kepada mencetak kad-kad jemputan, kad hari raya dan mencetak buku-buku peribadi seperti *Mari Sembahyang* yang hasil pulangnya tidak seberapa apatah lagi perbelanjaan untuk kos

penerbitan⁶² lebih besar daripada hasil yang diterima. Selama 16 bulan Qalam Press Limited mengalami kerugian hingga menjadi penderitaan yang besar. Menyedari kelemahan itu Edrus dengan sedaya upaya telah menghapuskan Qalam Press Limited dan mengembalikan Qalam menjadi hak milik perseorangan sebagaimana mula ditubuhkan.

Qalam Press terus beroperasi di Singapura sehinggalah tahun 1967. Atas nasihat Tan Sri Syed Nasir Ismail yang pada ketika itu merupakan pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga merupakan rakan baik Edrus, operasi Qalam Press telah dipindahkan ke Kuala Lumpur. Operasi percetakan lebih mudah dilakukan di Kuala Lumpur, termasuk urusan kewangan kerana pada ketika itu Qalam Press memperoleh banyak projek di Kuala Lumpur termasuk mencetak tafsir Al-Quran dan menerima upah mencetak dari DBP untuk mencetak buku-buku tulisan Jawi bagi keperluan kanak-kanak dan pelajar-pelajar sekolah. Contohnya buku *Bacaan Dewan Buku 4* yang merupakan bahan bacaan untuk murid-murid darjah empat sekitar tahun 1960-an. Edrus ternyata amat bijak, buku-buku terbitan DBP ini dijualnya sendiri. Pelanggan tidak perlu berurusan dengan DBP sebaliknya boleh membeli terus daripada Qalam Press. Secara tidak langsung hasil jualan dapat digunakan sebagai modal pusingan.⁶³ Tan Sri Syed Nasir juga turut membantu menyediakan lokasi kilang percetakan Qalam Press iaitu dialamat 225, Petaling Jaya dan semua kos pengangkutan perpindahan diberi secara percuma. Beberapa orang pekerja Qalam Press dari Singapura turut dibawa bersama termasuklah beberapa orang penulis seperti Abdullah Basmeh, Ustaz Ahmad Sanahaji bin Mohd Hj. Sanaji dan Haji Sirat, pembaca pruf Raja Abdul Aziz, pengatur huruf Haji Daim, pengendali mesin Syarifudin bin Alias serta ketua bahagian mengetuk dan melipat Ah Weng.⁶⁴

Kesimpulan

Pengalaman Edrus dalam dunia penulisan, kewartawanan dan penerbitan selama 35 tahun telah membentuk keperibadian Edrus sebagai seorang penulis dan ahli perniagaan yang berjaya. Beliau dapat membina dan menerajui empayar percetakan yang mampu bertahan selama 19 tahun walaupun berhadapan dengan masalah perniagaan dan pelbagai tindakan yang dikenakan oleh sesetengah pihak yang tidak bersetuju dengan pandangan-pandangan beliau. Dalam menghasilkan tulisannya, Edrus sangat tegas, berani dan lantang mengkritik pada sesuatu perkara yang difikirkan tidak betul dan bertentangan dengan Islam. Kerana latar belakang keluarga dan pendidikan Islam yang diterimanya menyebabkan pandangan Edrus dalam *Qalam* kuat bertumpu kepada hukum, akidah, akhlak dan tatacara Islam. Secara dasarnya, Edrus ingin memimpin masyarakat ke arah pengamalan nilai-nilai Islam yang sebenar.

Setelah dua tahun Qalam Press beroperasi di Kuala Lumpur, Edrus telah jatuh sakit dan meninggal dunia di Teluk Kurau, Singapura ketika menjelang subuh Isnin 20 Oktober 1969 pada usia 58 tahun akibat penyakit kencing manis. Menurut anak beliau, Edrus telah lama menghidap penyakit tersebut, setiap pagi setelah selesai sembahyang subuh berjemaah dengan anak-anak, beliau akan memantau kandungan gula dalam darah dan menyuntik sendiri insulin.⁶⁵ Tugas-tugas penerbitan dan pengurusan Qalam Press kemudiannya diambil alih oleh dua orang anak beliau iaitu Syed Edrus dan Syed Ahmad Luthfi, Abdul Aziz Mursyidi pula mengambil alih tugas Edrus sebagai ketua pengarang. Syed Edrus mengendalikan hal-hal yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran sementara Syed Ahmad Luthfi mengendalikan bahagian teknikal seperti pengurusan jentera dan percetakan. Walau bagaimanapun, pengalaman yang sangat kurang dalam urusan penerbitan membataskan usaha untuk meneruskan

legasi Qalam Press bahkan mencari penulis yang dapat memenuhi ruangan dalam majalah *Qalam* juga amat sukar sehingga terpaksa merayu kepada penulis-penulis muda agar dapat menyumbangkan karya mereka. Dalam satu kenyataan rencana pengarang majalah *Qalam* selepas kematian Edrus:

“Berhubung dengan kematian tuan punya percetakan Qalam, maka percetakan Qalam telah menghadapi beberapa krisis yang agak mencemaskan. Dengan timbulnya krisis-krisis tersebut maka penerbitan majalah *Qalam* juga turut terlibat sama, sehingga hampir-hampir enam bulan lamanya majalah *Qalam* terpaksa diberhentikan penerbitannya... kita terus mengharapkan bantuan-bantuan yang lebih akan tiba dari segi pemikiran dari penulis-penulis muda Islam untuk mengirimkan makalah-makalah... hidup mati majalah *Qalam* adalah terletak di atas bantuan dan kerjasama yang lebih rapat dari penulis-penulis Islam, inilah satu-satunya harapan kami terhadap pencinta majalah *Qalam*.”⁶⁶

Selain itu, masalah modal juga menyebabkan Qalam Press tidak boleh bergerak, sehingga anak-anak beliau membuka cadangan kepada Tan Sri Datuk Abdul Samad Idris yang ketika itu sebagai Ketua Pemuda UMNO untuk mengambil alih Qalam Press. Walau bagaimanapun cadangan tersebut tidak dapat dipenuhi. Anak-anak beliau juga menawarkan hal yang sama kepada Tan Sri Syed Jaafar Albar juga pemimpin UMNO namun tetap tidak mendapat persetujuan.⁶⁷ Menjadi satu kelemahan juga bagi syarikat milik persendirian ini, apabila pemilik atau pengasasnya meninggal dunia maka matilah juga syarikat itu jika tiada yang mampu meneruskannya. Akhirnya Qalam Press tidak boleh diselamatkan lagi dan terpaksa juga ditutup. Mengingat kembali kata-kata Edrus sebelum meninggal dunia, “bila aku mati esok, tiada satu harta yang aku tinggalkan, kecuali buku”, seolah-olah beliau dapat merasai pengakhiran Qalam.⁶⁸ Mesin-mesin jentera percetakan diambil semula oleh bank kerana masih dalam tempoh sewa beli manakala bangunan kilang percetakan Qalam Press diserahkan kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA). Sehingga kini bangunan di jalan 225, Petaling Jaya tersebut menjadi pusat kegiatan dan latihan MARA. Semasa di bawah kendalian anak-anak Edrus, Qalam Press sempat menerbitkan senaskah majalah *Qalam* bilangan ke 229 iaitu bilangan yang terakhir pada bulan Mei 1970.

Nota

- ¹ Temuramah dengan Pn. Sharifah Umamah Bte Syed Abdullah Al-Edrus di sebuah restoran di Lingkaran Karak, Gombak pada hari Khamis, 4 April 2019, jam 3.00 petang. Beliau adalah anak Edrus yang keenam dari isteri ketiga bernama Rokiah bte Abdul Samad. Kenyataan Talib Samat dalam bukunya dengan mengatakan Edrus telah lahir di Banjarmasin dan telah dibawa ke sampit oleh bapanya setelah kematian ibunya adalah tidak benar. Sampit dan Banjarmasin adalah dua kawasan yang berbeza. Sampit terletak di dalam Kalimantan Tengah, sementara Banjarmasin di dalam Kalimantan Selatan. Lihat Talib Samat, *Ahmad Luthfi: Penulis, Penerbit dan Pendakwah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 1.
- ² Sulaiman Jeem, “Jadi Penerbit Dengan Modal 50.00 Ringgit”, *Berita Harian*, Jumaat, 1969. Sulaiman Jeem adalah bekas pekerja Qalam Press, Singapura yang bertugas sebagai pembaca pruf dan telah berkhidmat selama empat tahun.
- ³ Ibid.

- ⁴ Antara wakil penjual majalah *Qalam* ialah kedai buku Mohd Salleh Bakry di Malacca Street, Kuala Lumpur, kedai buku Ain Isa Sulaiman dan N.S. Sulaiman di Jalan Maharani, Muar, kedai buku Mibs di Jalan Arab, Singapura, kedai buku E.M. Kassim Maideen, di Jalan North Bridge, Singapura, kedai buku Yahya Bashir, di Pekan Rabu, Alor Setar, kedai buku S.K. Abdul Rahman di Jalan Al-S agoff, Pontian, kedai buku M. Mohktar Bakrie di Jalan Hale, Ipoh dan N. Uruthan Store, di Sungai Petani.
- ⁵ Syarikat Qalam Press mengenakan bayaran pos sebanyak 10 sen bagi setiap penghantaran majalah *Qalam* kepada pembaca. Bagi pembaca yang melanggan secara bulanan, harga yang dikenakan ialah \$3.60 untuk enam kali keluaran dan \$7.20 untuk langganan setahun. Penghantaran menggunakan pos lebih murah dan cekap kerana majalah dapat sampai terus kepada pelanggan atau wakil-wakil penjual yang tinggal berselerak di serata persekutuan, Indonesia, Selatan Thailand dan Borneo. Ramai dalam kalangan pembaca majalah *Qalam* tinggal di kawasan Selatan Thailand. Rujuk surat pembaca dalam ruangan 1001. *Qalam*, bil. 48, Julai, 1954, hlm. 6. Rujuk juga, Abdul Aziz Hussain, *Penerbitan Buku-buku dan Majalah-majalah Melayu di Singapura di Antara Bulan September 1945 dengan Bulan September 1958*, hlm. 61.
- ⁶ *Qalam*, bil. 11, Jun 1951, hlm. 2
- ⁷ Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 657.
- ⁸ Fatini Yaacob, *Natrah (1937-2009): Cinta, Rusuhan, Air Mata*, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2010, hlm. xxxviii.
- ⁹ ‘Kepada Anggota-anggota Ikhwan’, *Qalam*, bil. 74, September 1956, hlm. 40.
- ¹⁰ *Qalam*, bil. 229, Mei 1970, hlm. 5
- ¹¹ Shaharom Husain, *Pengarang-pengarang Novel Melayu dan Karyanya*, Singapura: Pustaka Melayu, 1963, hlm. 268
- ¹² Keris Mas, *Memoir Keris Mas: 30 Tahun Sekitar Sastera*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 63 & 72.
- ¹³ Tempat Edrus di dalam *Mastika* kemudiannya telah digantikan oleh Keris Mas (Kamaluddin Muhammad) dan beliau ternyata berjaya memulihkan jualan *Mastika*. Ibid.
- ¹⁴ Ibid., hlm. 73.
- ¹⁵ Sajak bertajuk “Syurga” tulisan Asraf seperti yang tersiar di dalam *Mastika* bilangan 41, 1950, hlm. 14.
- Mengapa
Masih juga orang meraba
Dalam gelap gelita
Mengadakan “Ia” yang tiada
Mereka berkata
Ia berkuasa mencipta
Hingga sengsara dan derita
Semua rahmat keadilannya
Engkau rela
Memeras segala tenaga
Kau jual tulang dan raga
Dengan hanya separuh harga
Maha Pencipta
Hanya madah semata
Supaya kau lena hingga
Jasad jadi alat belaka
Hanya ada satu buana
Yang hanya buat kita semua
Tidak ada lain dunia
Tidak ada syurga neraka
Dunia buruk jadi neraka
Masyarakat adil jadi syurga
Pilih satu antara dua
Kita bina sama-sama
- ¹⁶ *Qalam*, Bil.2, September 1950. Rujuk juga Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 547 & 548.
- ¹⁷ *Qalam*, bil. 2, September 1959, hlm. 34.
- ¹⁸ Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, hlm. 596-598.
- ¹⁹ *Qalam*, bil. 229, Mei 1970, hlm. 11.
- ²⁰ Temuramah dengan En. Syarifuddin bin Alias bekas pekerja Qalam Press di rumah Pn. Sharifah Umamah, Gombak, Selangor pada 5 Disember 2018, jam 8.00 pagi.

- ²¹ Teguran Tan Sri Syed Jaafar Albar ini disampaikan oleh Prof. Abdul Qahar Mudhakar, seorang Rektor Universiti Islam Indonesia, Jogjakarta ketika melawat Singapura. Lihat 'Dari Sebulan ke Sebulan' *Qalam*, bil. 72, Julai 1956, hlm. 43.
- ²² Keris Mas, *Memoir Keris Mas: 30 Tahun Sekitar Sastera*, hlm. 72.
- ²³ *Qalam*, bil.41, Disember 1953, hlm. 3
- ²⁴ *Qalam*, bil. 63, Oktober 1955, hlm. 21
- ²⁵ Temuramah dengan En. Syed Ahmad Luthfi bin Syed Abdullah Al-Edrus di rumah Pn. Sharifah Faikah Bte Syed Abdullah Al-Edrus, Marine Parade, Singapura pada 7 Januari 2019, jam 9.00 pagi. Beliau merupakan anak sulung daripada 13 beradik. Ibunya bernama Amnah dan merupakan isteri kedua Edrus. Syed Ahmad Luthfi dilahirkan di Singapura pada tahun 1942 dan dibesarkan di Kampung Kelapa dekat Changi Road.
- ²⁶ Temuramah dengan Pn. Syarifah Umamah bte Syed Abdullah
- ²⁷ Tulisan Tan Sri Datuk A. Samad Idris yang termuat sebagai Kata Penerbit dalam Bachtiar Djamily, *Menyorot Karir, Peranan, Pandangan & Latarbelakang A. Samad Ismail*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman Sdn. Bhd., 1985, hlm. 7 & 8. Talib Samat dalam bukunya *Ahmad Luthfi: Penulis, Penerbit dan Pendakwah* mengatakan majalah *Qalam* dan akhbar *Warta Masyarakat* menjadi penyokong penjahat dan anti UMNO sebagaimana yang beliau petik dari kenyataan Tan Sri Datuk A. Samad Idris dalam buku *Menyorot Karir, Peranan, Pandangan & Latarbelakang A. Samad Ismail*. Tetapi sebenarnya Tan Sri Datuk A. Samad Idris hanya merujuk akhbar *Warta Masyarakat* sebagai penyokong penjahat dan anti UMNO tidak kepada majalah *Qalam*. Kenyataan Talib Samat harus diperbetulkan.
- ²⁸ *Qalam*, bil. 64, November 1955, hlm. 41
- ²⁹ 'Kopi Pahit', *Qalam*, bil. 22, Mei 1952, hlm. 37.
- ³⁰ *Melayu Raya* merupakan akhbar Melayu yang mula diterbitkan pada 29 Ogos 1950. Ia merupakan akhbar yang paling hangat melaporkan berkenaan isu Natrah. Akhbar itu memprojekkan kes Natrah sebagai pertentangan antara Islam dan Kristian. Oleh kerana laporannya lebih hangat dan berani, akhbar *Melayu Raya* yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Hilmy lebih laris dijual daripada *Utusan Melayu*. Seorang bekas tahanan politik yang kemudian menjadi wartawan *Utusan Melayu* Rosedan Yaacob menyatakan bahawa beliau dan rakan-rakannya di kem tahanan di Melaka semasa darurat lebih seronok membaca *Melayu Raya* daripada *Utusan Melayu* kerana laporannya lebih berani dan lebih hangat. Lihat Zainudin Maidin, *Di Depan Api Di Belakang Duri: Kisah Sejarah Utusan Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (Malaysia) Bhd. 2013, hlm. 200. Lihat juga Abdul Aziz Hussain, *Penerbitan Buku-buku dan Majalah-majalah Melayu di Singapura di Antara Bulan September 1945 dengan Bulan September 1958*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya Singapura, 1959, hlm. 16
- ³¹ Sebenarnya Edrus juga menjadi buruan pihak berkuasa akibat kelantangannya terhadap kes Natrah. Semasa pihak berkuasa datang ke rumah untuk menangkap beliau, Edrus telah bersembunyi dan mengunci dirinya dari dalam sehingga pihak berkuasa gagal menangkap beliau. Temuramah dengan Pn. Syarifah Umamah bte Syed Abdullah. Lihat A. Samad Ismail, *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993, hlm. 158 dan 259. Lihat juga Zainudin Maidin, *Di Depan Api Di Belakang Duri: Kisah Sejarah Utusan Melayu*, hlm. 201.
- ³² Pada 21 Ogos 1950, akhbar *The Straits Times* menyiarkan rencana di bawah tajuk "Control Child Marriages Demand in Singapore" yang menggesa kerajaan Singapura menggubal undang-undang untuk mengurangkan perkahwinan kanak-kanak. Laycock Marriage Age Bill diusulkan berdasarkan Akta Umur Perkahwinan 1929 di United Kingdom. Ia bertujuan untuk membolehkan pembatalan perkahwinan dibuat terhadap mana-mana pasangan yang berkahwin sebelum umur 16 tahun dan pelaksanaannya akan terpakai kepada seluruh rakyat Singapura. Akhbar *The Straits Time* berterusan melaung-laungkan Nadrah adalah kanak-kanak dan seolah-olah mahu menanam dalam minda masyarakat bahawa perkahwinan ini adalah tidak adil yang kononnya mereka itu jaguh dalam melindungi nasib kanak-kanak. Lihat rencana-rencana yang disiarkan di dalam *The Straits Time* seperti 'Muslim To Discuss Bride's Ages', 9 September 1950, 'Marriages Still Bussines Deal', 25 September 1950, 'Child Marriage Are Unfair, Says Woman', 29 September 1950 dan 'Finished with Men, they say, Child Brides Tell Tragic Stories', 1 Oktober 1950. Rencana-rencana itu ternyata mendapat perhatian dari golongan yang membela hak-hak wanita. Seorang pengetua Sekolah Sains Domestik, Johor Bahru, Che Azizah Jaafar telah mengatakan bahawa adalah tidak adil membiarkan kanak-kanak bawah 16 tahun untuk berkahwin. Rujuk: Syed Muhd Khairudin AlJuneid, *Colonialism, Violence and Muslim in Southeast Asia: Maria Hertogh Controversy and its Aftermath*, London: Routledge, 2009, hlm. 19. Rujuk juga Mohd Firdaus Abdullah, *Maria Huberdina Hertogh dalam The Straits Times 1950*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2011/2012.
- ³³ Ahmad Luthfi, 'Masalah Berkahwin Umur 16 Tahun: Leycock Membangkitkan Perasaan Umat Islam', *Qalam*, bil. 3, Oktober 1950, hlm. 15.

- ³⁴ *Qalam*, bil. 229, Mei 1970, hlm. 5
- ³⁵ Shahrarom Husain, *Pengarang-pengarang Novel Melayu dan Karyanya*, Singapura: Pustaka Melayu, 1963, hlm. 269. Mengenai modal permulaan, terdapat percanggahan fakta yang dikemukakan oleh Sulaiman Jeem yang mengatakan modal yang digunakan oleh Edrus untuk mengasaskan Qalam Press hanya 50.00 ringgit. Kemungkinan maksud Sulaiman Jeem adalah ketika Edrus mula membeli huruf-huruf timah dan mengaturnya sendiri secara sambilan di rumah dan tidak termasuk semua kos penerbitan. Lihat Sulaiman Jeem, "Jadi Penerbit Dengan Modal 50.00 Ringgit", *Berita Harian*, Jumaat, 1969 dan lihat juga Abdul Aziz Hussain, Penerbitan Buku-buku dan Majalah-majalah Melayu di Singapura di Antara Bulan September 1945 dengan Bulan September 1958, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya Singapura, 1959, hlm. 18.
- ³⁶ Sulaiman Jeem, "Jadi Penerbit Dengan Modal \$50.00", *Berita Harian*, Jumaat 24 Oktober 1969.
- ³⁷ 'Perpustakaan Melayu: Qalam Menghadapi Perkembangan-perkembangan Persuratan Masa Yang Akan Datang', *Qalam*, bil. 73, Ogos 1956, hlm. 10.
- ³⁸ Terdapat sebanyak 197 hasil penerbitan dalam tempoh 1949 hingga 1952, berbanding 60 penerbitan dalam tempoh 1945 hingga 1948. Dari segi jumlah naskah yang dicetak, syarikat penerbitan harus berhati-hati menetapkan jumlah cetakan bagi mengelakkan kerugian. kerana, majalah tidak akan dapat dijual lagi setelah tempoh masanya tamat berbeza dengan buku sekolah atau novel, penjualannya dapat dilakukan berterusan selama mana ia dapat diterima di pasaran. Kerana permintaan yang semakin bertambah diantara tahun 1949 hingga 1952, sesebuah majalah purata dicetak sebanyak 3000 hingga 3500 naskah. Berbanding tahun 1946 hingga 1948, purata majalah yang dicetak tidak lebih daripada 1000 buah. Rujuk, Abdul Aziz Hussain, Penerbitan Buku-buku dan Majalah-majalah Melayu di Singapura di Antara Bulan September 1945 dengan Bulan September 1958, hlm. 71 & 75.
- ³⁹ *Qalam*, bil. 11, Jun 1951, hlm. 2
- ⁴⁰ Majalah *Budi* dikarang oleh syed Abdullah B. Hamid Al-Edrus dan dikelola oleh Ishak Hj. Muhammad. Isinya memuatkan perbincangan mengenai hubungan masyarakat Melayu dengan anak-anak dagang, juga hal-hal mengenai pertanian, perikanan, pekebun kecil dan bahasa / sastera. Majalah ini mengandungi hampir 70 muka surat dan dijual dengan harga 50 sen senaskah. Walau bagaimanapun, mulai 1 Oktober 1956, Ishak Hj. Muhammad tidak lagi mengendalikan majalah tersebut. Lihat *Qalam*, bil. 71, Mei 1956, hlm. 49 dan bil. 75, Oktober 1956, hlm. 51.
- ⁴¹ Nama Abu al-Mokhtar sebenarnya adalah nama pena Othman Kalam yang digunakan dalam ruangan '1001 Masalah' majalah *Qalam*. Othman Kalam merupakan seorang tokoh wartawan dan penulis tahun 40-an yang telah banyak memberi bimbingan kepada Edrus dalam dunia kewartawanan semasa Edrus bertugas di *Warta Malaya*. Dalam majalah *Qalam*, Othman Kalam telah mengatujui ruangan '1001 Masalah' yang menjawab segala permasalahan agama mahupun sosial daripada masyarakat awam. Setelah Othman Kalam meninggal dunia pada 29 Oktober 1954 nama Abu al-Mokhtar terus digunakan dalam ruangan tersebut oleh Edrus sebagai mengenang jasa beliau. Lihat *Qalam*, bil 56, Mac 1955, hlm. 5.
- ⁴² *Qalam*, bil. 229, Mei 1970, hlm. 10
- ⁴³ Syed Hussain bin Ali Al-Sagoff pernah berkhidmat sebagai pengurus di syarikat Warta Malaya Press Ltd. Lihat *Qalam*, bil. 34, Mei 1953, hlm. 45.
- ⁴⁴ Temuramah dengan bekas pekerja Qalam Press En. Syarifudin b. Alias. En. Syarifudin adalah anak buah kepada Edrus dari sebelah isierinya yang ketiga. En. Syarifudin mula bekerja dengan Qalam Press sejak berumur 14 tahun sehinggalah 1969 sebagai pengendali mesin. Gaji yang diterima beliau pada ketika itu \$45.00 ringgit sebulan. Sebelum mahir mengendalikan mesin, beliau telah diarahkan oleh Edrus untuk belajar cara-cara pengendalian mesin melalui seorang Cina dari government printing sebelum mampu mengendalikannya sendiri. Selain sebagai pengendali mesin, beliau juga dipertanggungjawabkan untuk membuka dan menutup pintu kilang percetakan. Lihat juga Abdul Aziz Hussain, *Penerbitan Buku-buku dan Majalah-majalah Melayu di Singapura di Antara Bulan September 1945 dengan Bulan September 1958*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya Singapura, 1959, hlm. 25
- ⁴⁵ Keris Mas, *Memoir Keris Mas: 30 Tahun Sekitar Sastera*, hlm. 72.
- ⁴⁶ 'Dari Hal Kita', *Qalam*, bil. 74, September 1956, hlm. 2
- ⁴⁷ Temuramah dengan En. Syed Ahmad Luthfi.
- ⁴⁸ Temuramah dengan En. Syarifudin bin Alias.
- ⁴⁹ A. Samad Ismail, *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*, hlm. 54.
- ⁵⁰ Abdul Aziz Hussain, *Penerbitan Buku-buku dan Majalah-majalah Melayu di Singapura di Antara Bulan September 1945 dengan Bulan September 1958*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya Singapura, 1959, hlm. 23-24.
- ⁵¹ Temuramah dengan En. Syed Ahmad Luthfi bin Syed Abdullah Al-Edrus.
- ⁵² Abdul Aziz Hussain, *Penerbitan Buku-buku dan Majalah-majalah Melayu di Singapura di Antara Bulan September 1945 dengan Bulan September 1958*, hlm. 62-63.

- ⁵³ Ramai dalam kalangan pembaca majalah *Qalam* tinggal di kawasan Selatan Thailand. Rujuk surat pembaca dalam ruangan 1001. *Qalam*, bil. 48, Julai, 1954, hlm. 6. Rujuk juga, Abdul Aziz Hussain, *Penerbitan Buku-buku dan Majalah-majalah Melayu di Singapura di Antara Bulan September 1945 dengan Bulan September 1958*, hlm. 61
- ⁵⁴ Ismail Hussein, *Pengarang-pengarang Melayu di Singapura Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Kajian Tentang Latar belakang Sosial dan Kesusasteraan Mereka*, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1959, hlm.33. Lihat juga Shahrarom Husain, *Pengarang-pengarang Novel Melayu dan Karyanya*, hlm. 269.
- ⁵⁵ Abdullah Husaain merupakan tokoh prolifik dalam bidang kewartawanan dan kesusasteraan. Beliau telah dianugerahkan sebagai Sasterawan Negara pada tahun 1996. Majalah *Filem* banyak menterjemah dan mengambil berita-berita fiem serta hiburan daripada Hollywood. Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, hlm. 654.
- ⁵⁶ *Anekawarna* dicetak dengan 100 halaman dan dijual dengan harga \$1.50 senaskah. Kebiasaannya dicetak sebanyak 3000 naskah (mengikut kebiasaan jumlah cetakan pada masa itu). Kos untuk menerbitkan sebuah majalah seperti *Anekawarna* berjumlah 75 sen. 50 sen daripadanya adalah upah, 10 sen untuk belanja blok dan 15 sen komisyen. Setelah ditolak dengan kos, baki harga *Anekawarna* hanyalah 75 sen. Walaupun keuntungan yang diperoleh adalah sedikit, namun majalah ini amat digemari oleh anak-anak muda menyebabkan ia mudah dijual. di dalamnya termuat gambar-gambar yang mengghairahkan dan cerita-cerita yang menarik yang ditulis oleh Anuar, antaranya 'Bedah Lawa', 'Pengkik Panglima Saleh' dan 'Kalau Nafsu Sudah Memuncak'. Majalah itu laku seperti goreng pisang panas. Tetapi kemudian Edrus berasa bayaran upah Anuar terlalu mahal. Anuar pula, jika lambat dibayar tidak mahu menulis. Lalu, Edrus cuba menggantikan tempat Anuar dan menulis tema yang sama seperti Anuar. Sememangnya Edrus sebagai Ahmad Luthfi terkenal sebagai penulis novel-novel yang 'exotic'. Tetapi malangnya, Edrus bukan Anuar dan pembaca tidak suka membacanya. Majalah *Anekawarna* tidak dapat diteruskan apabila Anuar berhenti menulis cerpennya walaupun Edrus telah sedaya upaya menyelamatkannya. Lihat Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, hlm. 619. Lihat Juga *Qalam*, bil. 53, Disember 1954, hlm. 41 dan bil. 85, Ogos 1957, hlm. 11
- ⁵⁷ Abdul Aziz Hussain, *Penerbitan Buku-buku dan Majalah-majalah Melayu di Singapura di Antara Bulan September 1945 dengan Bulan September 1958*, hlm. 57.
- ⁵⁸ A. Samad Ismail, *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*, hlm. 194. Lihat juga Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, hlm. 225.
- ⁵⁹ *Qalam*, bil. 37, Ogos 1953.
- ⁶⁰ *Qalam*, bil. 34, Mei 1953, hlm. 45.
- ⁶¹ Shahrarom Husain, *Pengarang-pengarang Novel Melayu dan Karyanya*, nhlm. 269
- ⁶² Kos menerbitkan sebuah majalah biasanya 50 hingga 55 peratus, bergantung kepada bilangan muka surat dan jenis kertas yang digunakan. Ada beberapa jenis kertas yang biasa digunakan oleh syarikat penerbitan di Singapura, antaranya yang bernama 'newsprint', 'mechanical', 'similie', 'art paper' dan 'bond paper'. Harga bagi kertas dikira mengukut timbangan. Contohnya bagi kertas 'newsprint' harganya 25 sen untuk satu paun, 'mechanical' berharga 32 sen satu paun, 'simili' 46 sen satu paun dan 'kertas bond' 32 sen satu paun. Untuk kulit majalah, biasaya kertas 'art' atau 'card' digunakan. Harga bagi kertas jenis 'art' ialah 60 sen sepaun. Lihat Abdul Aziz Hussain, *Penerbitan Buku-buku dan Majalah-majalah Melayu di Singapura di Antara Bulan September 1945 dengan Bulan September 1958*, hlm. 60. Lihat juga Lihat juga Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, hlm. 529.
- ⁶³ *Qalam* Press menerima upah mencetak sebanyak 30 juzuk tafsir Al-Quran. Walau bagaimanapun hanya sempat mencetak sebanyak 15 juzuk kerana Edrus meninggal dunia. Baki 15 juzuk lagi diserahkan kepada syarikat percetakan lain. Temuramah dengan En. Syed Ahmad Luthfi bin Syed Abdullah Al-Edrus.
- ⁶⁴ Ibid.
- ⁶⁵ Temuramah dengan Pn. Sharifah Umamah bte Syed Abdullah Al-Edrus
- ⁶⁶ *Qalam*, bil. 229, Mei 1970, hlm. 3 & 4
- ⁶⁷ Temuramah dengan Syed Ahmad Luthfi.
- ⁶⁸ Ibid.